

Di Sebalik Ujian Melanda, Hubungan Malaysia-China Tetap Utuh Bernama

10 Apr, 2014

Oleh Alan Ting

KUALA LUMPUR, (Bernama) -- Kehilangan pesawat Malaysia Airlines MH370 dan penculikan pelancong China dari tempat peranginan di timur laut Sabah ternyata menguji hubungan Malaysia-China.

Tidak pernah hubungan diplomatik yang terjalin sejak empat dekad lalu diuji sedemikian rupa sehinggalah kedua-dua insiden itu berlaku dalam jarak tempoh yang begitu singkat.

Tekanan yang dikenakan pihak China ke atas Malaysia mungkin ada asasnya memandangkan 154 penumpang daripada 239 orang dalam pesawat malang itu ialah warganya. Penerbangan MH370 adalah penerbangan perkongsian kod antara Malaysia Airlines dan China Southern Airlines.

Tekanan yang dirasai Malaysia bukan sahaja untuk mencari pesawat yang hilang tetapi juga jawapan kepada tragedi yang berlaku.

Ia juga terpaksa berdepan dengan kemarahan media China, waris penumpang serta pengguna Internet berhubung cara mengendalikan tragedi MH370 itu.

Persoalannya sekarang, apakah kedua-dua insiden ini boleh menggugat hubungan dua hala Malaysia-China?

"Ada kesan dalam jangka masa pendek. Kesan ini mungkin dapat dirasai antara tiga hingga enam bulan. Kita perlu mengambil langkah untuk menangani keadaan ini dengan sebaik-baiknya," kata pensyarah kanan Insitut Kajian China di Universiti Malaya, Dr Ling Teck Soon.

Beliau turut mengulas bahawa reaksi kasar yang ditunjukkan waris penumpang China sebahagian besarnya berpunca daripada cara pengendalian insiden yang lemah pada peringkat awal, serta tidak memahami hati nurani orang China.

"Kita perlu seseorang yang faham akan bahasa badan orang China. Kita kekurangan orang yang tahu bagaimana orang China berfikir dan berkomunikasi," tambahnya.

Berhubung dengan langkah untuk mengawal menangani keadaan, beliau menyarankan kedua-dua belah pihak boleh membuka langkah dengan sambutan ulang tahun ke-40 hubungan Malaysia-China.

Daripada sudut perspektif ekonomi, hubungan perdagangan Malaysia-China tidak terjejas.

"China adalah rakan kongsi perdagangan nombor satu untuk Malaysia. Begitu juga halnya dengan Malaysia. China adalah rakan kongsi perdagangannya yang terbesar di Asia Tenggara dengan jumlah dagangan melebihi AS\$100 (RM320) bilion pada 2013.

"Jumlah ini dijangka meningkat kepada AS\$200 (RM640) bilion menjelang 2020," kata Dr Oh Ei Sun, Presiden Persatuan Persahabatan Ma-Zhong Sabah.

Dr Oh, seorang felo kanan di Institut Kajian Asia Tenggara (ISEAS) yang berpangkalan di Singapura, menjelaskan hubungan Malaysia-China mempunyai sejarah yang lama.

Kedua-dua pihak telah menandatangani perkongsian strategik menyeluruh untuk mengembangkan kerjasama ekonomi dan perdagangan selaras dengan strategi pembangunan masing-masing.

Di bawah perjanjian ini, kedua-dua pihak mensasarkan jumlah perdagangan dua hala sebanyak AS\$160 billion (RM511 bilion) menjelang 2017.

"Kekecohan di peringkat awal mengenai kehilangan pesawat MH370 berpunca daripada perbezaan kebudayaan dan sosial, memandangkan berlaku salah faham mengenai pengendalian isu ini.

"Memanglah waris penumpang merasa begitu tertekan tetapi apa yang dikesalkan ada pihak yang tidak bertanggungjawab menyebarkan khabar angin yang tidak berasas di Internet," katanya.

Di sebalik pergolakan itu, China dan Malaysia begitu berhati-hati daripada segi membuat komen atau tindakan bagi memelihara hubungan yang telah dijalin sekian lama.

Mantan perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dalam wawancara dengan agensi berita China, Xinhua dengan tepat menggambarkan senario yang berlaku: "Kerajaan China 'berpengetahuan' dan ia tahu Malaysia sedang melakukan yang terbaik. Hubungan antara kedua-dua kerajaan tidak akan terjejas."

Hakikatnya, Duta China ke Malaysia, Huang Huikang memberi jaminan bahawa hubungan Malaysia-China tidak terjejas di sebalik laporan saudara-mara penumpang China penerbangan MH370 marah dengan kerajaan Malaysia.

Jelasnya, kerajaan China tidak pernah berkata ia marah dengan kerajaan Malaysia.

"Kita adalah sebuah keluarga, kawan baik, jiran baik dan semuanya ini tidak akan memberi kesan kepada hubungan baik kita.

"Kita akan menemui erti persahabatan sebenar apabila ditimpa kesulitan. Setakat ini, kita berhubung baik dan bekerjasama untuk mencari pesawat yang hilang di samping mententeramkan

hati waris penumpang," beliau memberitahu pemberita di Kedutaan China di sini baru-baru ini.

Malah, katanya kerajaan China, menerusi pelbagai media telah meminta rakyatnya bertindak secara rasional dan bertenang dalam menghadapi tragedi kehilangan pesawat itu.

Memandangkan tahun ini adalah ulang tahun ke-40 hubungan dua hala China-Malaysia, rancangan untuk memperkukuhkan hubungan antara kedua-dua negara akan menjadi perkara paling utama.

Antara acara untuk perayaan itu termasuk China meminjamkan sepasang panda untuk Zoo Negara Malaysia bagi tempoh 10 tahun.

Malaysia dijangka menerima panda itu pada 15 April.

MASkargo, pesawat kargo Malaysia Airlines akan menerbangkan panda yang diberi nama Feng Yi dan Fu Wa pada malam 15 April. Kedua-dua panda gergasi itu dijangka tiba pada awal pagi 16 April.

Atur cara lain termasuk lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak ke China pada penghujung Mei ini serta lawatan Perdana Menteri China, Li Keqiang ke Malaysia Jun depan.

"Tidak ada perubahan ke atas atur cara ini. Hubungan antara kedua-dua kerajaan tidak terjejas," kata setiausaha politik kepada perdana menteri, Wong Nai Chee.

Gerakan mencari pesawat itu kini diteruskan.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1029472>